

BSMM Sandakan adakan kempen derma darah

Oleh: Siti Nur Hidayah Feridaus

SANDAKAN: Sepanjang berlakunya pandemik COVID-19, Unit Tabung Darah (UTD) Hospital Dukcess of Kent (HDOK) Sandakan mengalami kekurangan stok darah membabitkan sekurang-kurangnya 20 pain darah yang diperlukan dalam sehari.

Pengerusi Program Derma Darah Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) cawangan Sandakan, Tan Guan Keong, 33, berkata sejak penularan wabak, kebanyakan para penderma darah tidak berani pergi ke hospital untuk menderma darah.

Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) cawangan Sandakan mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan pihak UTD hospital dan juga Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sandakan (MPMS) dalam menjayakan kempen derma darah yang diadakan selama dua hari di Sejati Walk.



Suasana kempen derma darah di Sejati Walk, Sandakan.

Tujuan derma darah itu dianjurkan adalah untuk menggalakkan orang ramai dan penderma sedia ada untuk tampil menderma darah tanpa perlu ke hospital.

“Pada bulan Mac tahun ini, pihak UTD Hospital Dukcess of Kent Sandakan telah membuka satu ‘kiosk’ derma darah di Sejati Walk dan pihak kami mengambil inisiatif ini untuk membantu dalam mempromosikan kempen ini,” katanya.

Orang awam yang datang untuk menderma darah juga diberikan bekalan makanan asas seperti minyak masak, gula, susu, mee segera dan lain-lain selepas mereka berjaya menderma darah.

Sumbangan tersebut diberikan oleh Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sandakan (MPMS) dalam usaha menarik orang awam untuk menderma darah.

Sepanjang kempen itu, BSMM cawangan Sandakan berjaya mengumpul 54 pain darah dengan kerjasama daripada UTD HDOK Sandakan dan Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sandakan.

Penderma darah, Lim Ah Leong, 32, berkata selain dapat menyihatkan badan, kempen sebegini wajar dilakukan secara berkala untuk menarik lebih ramai orang menderma darah tanpa perlu ke hospital terutamanya pada musim pandemik ini.

Kempen yang dilakukan dari jam 8.30 pagi sehingga jam 2 petang dan berlangsung selama dua hari dari 21 November hingga 22 November 2020.

Dalam tahun 2020, BSMM Sandakan telah berjaya menganjurkan tujuh kempen derma darah dan yang terakhir akan dianjurkan pada Disember tahun ini.